



20 Oktober 2015
20 October 2015
P.U. (A) 250

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN
(HARGA JUALAN MURAH) (PINDAAN) 2015

*TRADE DESCRIPTIONS
(CHEAP SALE PRICE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN (HARGA JUALAN MURAH)
(PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2015.

Pindaan peraturan 3

2. Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997 [*P.U. (A) 424/1997*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 3—

(a) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “pos berdaftar” perkataan “atau secara elektronik”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1), (2) atau (5) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit; atau

- (b)* jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.”.

Pindaan peraturan 5

3. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a)* dengan menggantikan subperaturan (4) dengan subperaturan yang berikut:

“(4) Tiada seorang pun boleh mengadakan apa-apa jualan dengan harga jualan murah selain pada tarikh dan dalam jangka masa yang ditentukan dalam subperaturan (2) dan dua kali jualan yang dibenarkan di bawah perenggan (1)(b)”; dan

- (b)* dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (3A) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

- (a)* jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit; atau
- (b)* jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi

tiga tahun, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.”.

Pindaan peraturan 6

4. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.”.

Pindaan peraturan 7

5. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menomborkan semula peraturan sedia ada sebagai subperaturan (1); dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun.”.

Pindaan peraturan 8

6. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau